



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

24 Syawal 1441 / 16 Jun 2020

1. Pada hari ini, 24 Syawal 1441 bersamaan 16 Jun 2020, dengan kehendak Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan dengan rasa dukacita, Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai kes ketiga yang telah kembali ke rahmatullah akibat COVID-19 di negara ini.
2. Allahyarham ialah seorang lelaki tempatan berumur 67 tahun yang merupakan kes ke 122 COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Allahyarham telah kembali ke rahmatullah di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada hari Isnin, 15 Jun 2020 pada jam 7.35 malam. Allahyarham telah menjalani rawatan di Pusat tersebut sejak disahkan dijangkiti COVID-19 pada 28 Mac 2020. Allahyarham telah mula mengalami tanda-tanda jangkitan pada 23 Mac 2020 dan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan pada 30 Mac 2020. Allahyarham juga didapati negatif bagi virus SARS-CoV-2 berterusan sejak 10 Mei 2020 dan hanya berada di Pusat berkenaan untuk menerima rawatan perubatan intensif.

3. Sehubungan dengan ini, demi menjaga dan menghormati privasi serta *confidentiality* keluarga Allahyarham, Kementerian Kesihatan tidak akan mengongsikan butiran peribadi Allahyarham. Orang ramai juga dipohonkan untuk sama-sama menghormati dan tidak menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan dengan Allahyarham serta keluarga beliau.

4. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berdoa semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan dikalangan orang yang beriman.
Al-Fatihah.

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini juga Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**

6. Sementara itu, seramai **31 orang** sedang menjalani kurantin pada masa ini menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai **2,792 orang** telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik.
7. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **245 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **25,323 ujian**.
8. Berikutan dengan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **384,572 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. **Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 9,051** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak **4,820 premis perniagaan** telah memuat turun **aplikasi *premiseScan***. Sehubungan dengan aplikasi *premiseScan* ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.
9. Seterusnya, mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **tambahan** pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang akan bermula pada **hari Khamis, 26 Syawal 1441H bersamaan dengan 18 Jun 2020** seperti berikut:

- a. Aktiviti-aktiviti berikut akan dinaikkan daripada tahap pertama ke tahap kedua seperti berikut,
 - Sekolah-sekolah
 - Institusi pendidikan vokasional, teknikal dan tinggi
 - Sekolah tusyen dan sekolah muzik

- b. Penerangan mengenai syarat-syarat pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bagi sekolah dan institusi pendidikan akan disampaikan dengan lebih lanjut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan selepas ini.

- c. Sementara itu, sekolah tusyen dan sekolah muzik adalah dibenarkan beroperasi dalam kelas yang kecil iaitu kurang dari lima orang penuntut pada satu-satu masa.

- d. Garispanduan penjarakan sosial yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan hendaklah dipatuhi dan sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan hendaklah melakukan tanggungjawab sosial masing-masing dengan tidak menghadirkan diri di tempat-tempat tersebut.
10. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.
 11. Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga akan terus memantau situasi wabak jangkitan COVID-19 di dalam negara serta di peringkat serantau dan global, disamping melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.

12. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 24 Syawal 1441H / 16 Jun 2020